

K I S A H

PEJUANG KANSER



“Cinta yang Sempurna untuk Isteri”

“Saya anggap ia sebagai satu dugaan bagi menguji kasih sayang saya kepada isteri tercinta. Dengan penuh rasa tanggungjawab, saya akan menjaga isteri saya walau apa jua keadaan. Itu janji saya,” bicara Haji Badrulhaisham Shamsuddin, 49, di awal sesi temubual.

Badrul menerima berita itu dengan fikiran yang positif apabila isteri kesayangannya Noraida Kamaruddin atau lebih mesra disapa sebagai Aida disahkan menghidap kanser payudara ketika usia kandungan anak ketiganya mencecah 5 bulan.

Mengimbas kembali detik awal sebelum didiagnos, Badrul menyatakan seperti biasa Aida datang ke hospital untuk pemeriksaan bulanan bayi di dalam kandungannya. Ketika itu, Aida bertanya kepada doktor tentang tanda ganjil pada payudaranya. Setelah diperiksa, doktor merujuk ke Pusat Rawatan Islam (Pusrawi) untuk menjalani pemeriksaan biopsi. Keputusan pemeriksaan mendapati Aida disahkan menghidap kanser payudara dan doktor menyarankan pemeriksaan lanjut dijalankan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM). Biopsi dijalankan dan Aida disahkan menghidap kanser payudara. Doktor juga memberitahu bahawa kanser tersebut berada di peringkat awal dan potensi untuk sembuh adalah tinggi.

Ia bukan mudah bagi seorang ibu mengandung yang telah disahkan menghidap kanser untuk menjalani rawatan kanser. Pelbagai risiko perlu ditanggung oleh Badrul dan Aida. Atas nasihat doktor, Aida perlu menjalani rawatan pembedahan mastektomi, kemoterapi dan radioterapi.

Ketika mengandung, Aida sempat menjalani rawatan mastektomi dan satu kitaran kemoterapi. Alhamdulillah, ia berjalan lancar.

Apabila usia kandungan mencecah 7 bulan, doktor menyarankan agar proses kelahiran secara paks dapat dibuat sebelum rawatan diteruskan terhadap Aida. Bayi tersebut selamat dilahirkan dan dalam keadaan sihat.

Sepanjang menjaga Aida, Badrul memberi perhatian penuh kepada isterinya. Pada setiap sesi rawatan, beliau akan membawa isteri ke hospital, memasak, menguruskan keperluan isteri dan anak-anak malah membawa isteri ke mana sahaja seperti yang diinginkan.

Bagi Badrul, setiap apa yang diinginkan oleh isterinya itu adalah menjadi satu keutamaan buat dirinya.

Jadi, beliau akan memenuhi permintaan isteri itu dengan seberapa segera.

“Ada satu hari, Aida teringin sangat nak makan sup kaki ayam. Katanya waktu itu, boleh sahaja tunggu pada hujung minggu atau bila-bila masa yang lapang. Namun, bagi saya ia adalah keutamaan. Selesai solat dhuha, saya terus ke kedai dan masakkan sup kaki ayam untuknya. Aida makan berulang kali. Waktu itu, dia tidak boleh bercakap akibat kesan rawatan pada tekak. Namun, Aida beri isyarat tanda kesedapan sup kaki ayam itu. Saya berasa cukup terharu dengan situasi tersebut,” jelas Badrul dengan penuh sebak apabila terkenangkan kembali nostalgia itu.

Selain sokongan dalam bentuk fizikal, sebagai seorang penjaga kepada pesakit kanser, Badrul juga memberi sokongan emosi kepada Aida dengan menjadi pendengar yang setia terhadap luahan dan isi hati isterinya itu.



Badrulhaisham Shamsuddin

“Saya anggap ia sebagai satu dugaan bagi menguji kasih sayang saya kepada isteri tercinta.”

“Sebagai penjaga pesakit kanser, pengetahuan tentang penyakit ini sangat penting. Banyakkan membaca. Sertai kumpulan sokongan kanser”

“Saya galakkan golongan lelaki juga turut sama proaktif dalam aktiviti persatuan”

Disember 2017

Beliau berpendapat, penjaga perlu memberi sokongan kepada pesakit sebagai salah satu cara untuk memberi keyakinan kepada pesakit bagi melawan penyakitnya dan mampu sembuh seperti sedia kala. Adalah penting sokongan diberi supaya pesakit merasakan bahawa insan terdekat sentiasa ada bersamanya dan bersedia membantu dalam apa jua keadaan.

Badrul turut memberitahu bahawa ketika isterinya disahkan sebagai pesakit kanser, beliau terus mencari maklumat tentang penyakit itu di internet sehingga lewat pagi. Baginya sebagai penjaga, beliau perlu ada pengetahuan tentang penyakit yang dihidapi.

"Sebagai penjaga pesakit kanser, pengetahuan tentang penyakit ini sangat penting. Banyakkan membaca. Sertai kumpulan sokongan kanser. Melalui kumpulan sokongan, saya dapat berhubung dengan penjaga yang lain. Saya berpeluang bertukar pengalaman, menambah ilmu dan ia memudahkan saya menjaga isteri. Maklumat tersebut juga membantu saya ketika berjumpa doktor untuk rawatan susulan isteri," tambah Badrul penuh semangat.

Ketika ditanya tentang perasaan beliau semasa menjaga isterinya, Badrul berkata bahawa secara jujurnya beliau tidak pernah berasa tertekan, sedih atau murung. Malah beliau menjaga isterinya atas rasa tanggungjawab, kasih sayang dan rasa cinta yang sepenuh hati kepada isteri. Beliau berasa gembira kerana dapat menjaga isteri dengan baik sekali.

Tambahnya, beliau tidak pernah menganggap isterinya sakit. Begitu juga dengan isterinya. Malah beliau selalu bercuti bersama-sama isteri dan keluarga. Keadaan itu tidak jauh beza dengan keadaan sebelum isterinya disahkan menghidap kanser.

"Terlampau banyak perkara indah yang saya ingin kongsi semasa menjaganya. Apabila isteri lumpuh buat kali ketiga akibat kanser yang telah merebak ke tulang, saya tidak pernah berasa segan untuk menolaknya di kerusi roda dan membawanya bersiar-siar. Malah saya berasa bangga dan satu kepuasan kepada diri saya kerana boleh menjaganya dengan rapi. Alhamdulillah, urusan di hospital juga dipermudahkan. Urusan mendapatkan tarikh temujanji, konsultasi dan pemeriksaan oleh doktor, serta prosedur hospital semuanya dipermudahkan. Tiada sebarang masalah timbul sepanjang saya menguruskan rawatannya di hospital. Doktor dan jururawat juga memberi layanan terbaik dan mesra kepada saya mahupun isteri. Lebih indah apabila isteri saya selalu berkata bahawa saya sentiasa ada dalam doanya. Katanya, dia selalu mendoakan saya. Itu yang buat saya rasa sangat terharu," jelas Badrul panjang sambil tersenyum membayangkan kesempurnaan cinta antara beliau dan isteri.

Badrul menjadikan janji kepada isteri untuk menjaganya sehingga akhir hayat sebagai satu motivasi buat dirinya terus berusaha menjadi penjaga terbaik buat isteri. Kerana rasa cinta yang mendalam ditambah dengan rasa tanggungjawab yang cukup tebal dalam diri, membuatkan Badrul cukup kuat dan tabah menghadapi hari-hari mendatang bersama isteri sehingga isterinya menghembuskan nafas terakhir pada tahun 2012.

Badrul merupakan seorang yang tidak asing lagi dalam KanWork sebagai sukarelawan dan ahli jawatankuasa tertinggi.

Sejak awal penubuhan Kanwork, beliau secara tidak langsung membantu isterinya menjalankan operasi KanWork. Disebabkan beliau mempunyai latar belakang pekerjaan yang berkaitan dengan bidang teknologi maklumat, beliau secara sukarela bersedia untuk membangunkan laman web KanWork pada masa tersebut. Seiring dengan perkembangan aktiviti Kanwork, beliau dan isteri semakin aktif melibatkan diri dalam pelbagai program anjuran KanWork seperti program pendidikan dan sokongan. Walaupun isterinya kini telah tiada, namun semangat isterinya masih kekal segar bersama KanWork dan Badrul tetap meneruskan legasi isterinya dalam memainkan peranan aktif dalam KanWork.

Badrul menyeru kepada sukarelawan lelaki di luar sana untuk turut sama menyumbang khidmat bakti kepada KanWork.

"Tidak dinafikan golongan wanita lebih ramai menyertai aktiviti berpersatuan. Akan tetapi, saya galakkan golongan lelaki juga turut sama proaktif dalam aktiviti persatuan. Selain pengalaman, saya mendapat ramai kenalan seperti penjaga kanser yang lain. Melalui penyertaan ini, saya juga dapat belajar daripada pengalaman orang lain dalam menjaga dan menguruskan pesakit kanser selain mengembangkan ilmu dan kemahiran dalam berpersatuan. Masyarakat perlu sedar tentang kepentingan peranan sukarelawan terutama golongan lelaki. Saya berpendapat sejak kecil, anak-anak perlu dididik dan dibawa untuk menyertai program sukarelawan supaya terbiasa dengan aktiviti khidmat masyarakat ini. Persatuan pula perlu menyediakan program yang menarik minat golongan minoriti ini," jelasnya yang aktif sebagai sukarelawan sejak tahun 2004 lagi.

"Saya berharap Kanwork akan kekal dan berkembang. Pesakit kanser, ahli keluarga dan orang awam harus mendapat manfaat melalui program dan aktiviti yang dijalankan. Ini juga adalah amal jariah saya sebagai bekalan di akhirat nanti. Saya mendoakan kita semua supaya istiqomah agar dapat membawa KanWork ke satu tahap yang dikenali diperingkat nasional dan antarabangsa. Itu juga harapan isteri saya suatu ketika dahulu," katanya yang mengakhiri perbualan dengan satu pandangan yang jauh.

